



جَابِرٌ قَنْدِيلٌ يُقْهِنُ كَرْبَلَى قَالَ حَمَانٌ

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR STAR
KEDAH DARUL AMAN

NO. TELEFON : 04 – 740 4000
NO. FAKS : 04 – 740 4358
E-MAIL : www.kedah.edu.my

JPK 03-25/3152/2/Jld 3 (110)

Tarikh: 16 April 2014

PENGETUA,

SM Kerajaan / Bantuan Kerajaan,
SM Agama Negeri / Rakyat,
Maktab Rendah Sains MARA,
Sekolah Menengah Swasta,
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan,

**SURAT PEKELILING LEMBAGA PEPERIKSAAN BIL 1/2014
PENAMBAIKAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- . 2. Bersama-sama ini disertakan salinan surat dari **PENGARAH PEPERIKSAAN, LEMBAGA PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA [KP. LP.003.07.14 (81)]** bertarikh 31 Mac 2014 yang jelas maksudnya.
3. Mohon kerjasama tuan untuk memaklumkan perkara yang terkandung dalam surat tersebut kepada semua guru yang berkenaan di sekolah tuan. Sekian untuk makluman dan tindakan.
4. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam hal ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ISMAIL BIN SHAI DAN, BCK.)

Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
LEMBAGA PEPERIKSAAN
EXAMINATIONS SYNDICATE
ARAS 1,2,5 - 13, BLOK E 11
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6000 (Talian Umum)
Faks : +603-8889 5120
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

Telephone : +603-8884 6000 (General line)
Fax : +603-8889 5120
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Tuan
Your Ref :

Ruj. Kami
Our Ref : KP.LP.003.07.14 (81)

Tarikh
Date : 31 Mac 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING LEMBAGA PEPERIKSAAN BIL. 1 /2014:
PENAMBAHBAIKAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan tentang penambahbaikan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula 1 April 2014 di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan.

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya PBS dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program transformasi pendidikan. Pengoperasian PBS mula dilaksanakan di sekolah rendah pada sesi persekolahan tahun 2011 dan sekolah menengah pada sesi persekolahan tahun 2012. Selain itu PBS juga merupakan sistem pentaksiran yang akan digunakan bagi menjamin pencapaian seseorang murid tidak lagi dinilai berdasarkan peperiksaan semata-mata.

3. PBS adalah dasar yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh (holistik) terhadap pencapaian dan perkembangan pembelajaran murid yang terangkum menerusi empat komponen pentaksiran iaitu;

3.1 Pentaksiran Sekolah (PS)

Pentaksiran yang dilaksana oleh guru sebagai sebahagian daripada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah. Ia melibatkan Pentaksiran sebagai Pembelajaran (*Assessment As Learning*), Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment For Learning*) dan Pentaksiran tentang Pembelajaran (*Assessment Of Learning*). Ia boleh dilaksana menerusi pemerhatian atau ujian berbentuk bulanan, penggal dan tahunan termasuk apa-apa bentuk pentaksiran yang menggunakan pelbagai instrumen seperti tugas bertulis (*assignment*), projek, persembahan, demonstrasi, kajian lapangan (*field study*) atau kajian kes (*case study*).

BAHAGIAN PRODUKSI

Sektor Pembinaan Ujian Akademik Tel : 03-62025369
Faks : 03-62018673

Sektor Pembinaan Ujian Teknikal Dan Vokasional Tel : 03-62025302
Faks : 03-62015516

BAHAGIAN OPERASI

Sektor Percetakan,Pengedaran Dan Keselamatan Tel : 03-88843234
Faks : 03-88843240

Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Atas Dan Luar Negeri Tel : 03-88843263
Faks : 03-88895462

Sektor Pengendalian Peperiksaan Menengah Rendah dan Rendah Tel : 03-88843373
Faks : 03-88895561

BAHAGIAN PENGURUSAN

Sektor Pengurusan Dasar Dan Perkembangan Tel : 03-88843134
Faks : 03-88895131

Sektor Pengurusan Maklumat Dan Perkembangan Teknologi Tel : 03-88843161
Faks : 03-88843156

Sektor Khidmat Pengurusan Tel : 03-88845380
Faks : 03-88845325

3.2 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah oleh guru untuk mengukur dan menilai prestasi, penglibatan dan penyertaan murid dalam aktiviti jasmani, kesihatan, sukan dan kokurikulum.

3.3 Pentaksiran Psikometrik

Pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah untuk mengukur kebolehan semula jadi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid.

3.4 Pentaksiran Pusat (PP)

Pentaksiran di mana pihak sekolah mentadbir instrumen serta mentaksir dan memberi skor terhadap respons (jawapan) murid berdasarkan instrumen dan panduan penskoran yang setara (*standardised*) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP), KPM.

4. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan PBS, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian semula serta melakukan penambahbaikan terhadap pelaksanaannya agar menjadi lebih mesra guru. Berdasarkan kajian semula ini, maka penambahbaikan dalam pelaksanaan PBS adalah seperti berikut:

4.1 Dokumen Standard Prestasi (DSP)

- a. DSP diganti menjadi **Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid** yang lebih fleksibel bagi membantu guru untuk memberi fokus terhadap PdP serta merancang pentaksiran yang sesuai untuk murid.
- b. Guru hendaklah mengajar menggunakan kurikulum kebangsaan yang dibangunkan berdasarkan tema, tajuk atau kemahiran mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid.
- c. Guru seterusnya mentaksir perkembangan pembelajaran murid berdasarkan pemerhatian dan penilaian mereka sendiri dengan merujuk kepada Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid tersebut.
- d. Guru boleh merekodkan tahap penguasaan murid mengikut kesesuaian masa dan kaedah mereka sendiri. Perekodan ini menggambarkan perkembangan pembelajaran murid semasa proses PdP. Guru tidak perlu lagi mengumpul data dan evidens hasil kerja murid melalui pernyataan evidens yang terlalu kompleks.

4.2 Fail Perkembangan Murid (FPM), Fail Showcase (FS) dan Rekod Transit

- a. Guru tidak perlu lagi menyediakan FPM, FS dan melengkapkan Rekod Transit. Penguasaan murid dalam pembelajaran boleh direkodkan secara tidak formal yang boleh memberi maklumat berkaitan perkembangan pembelajaran murid.
- b. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut keperluan, kreativiti dan kesesuaian masa guru.

4.3 Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS)

- a. Guru tidak perlu lagi mengisi data secara *online*. Guru boleh merekod perkembangan pembelajaran murid secara **offline** atau secara manual mengikut kesesuaian masa guru.
- b. Pelaporan perkembangan pembelajaran murid boleh dicetak untuk kegunaan guru dan makluman kepada ibu bapa.

4.4 Penilaian Menengah Rendah (PMR)

- a. Menerusi PBS juga, peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 digantikan dengan **Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)**. Hal ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk murid-murid Tingkatan 3 mulai tahun 2014.
- b. PT3 merupakan pentaksiran sumatif di peringkat pendidikan menengah rendah bagi melihat pencapaian akademik murid. Melalui PT3, pihak sekolah akan mentadbir pentaksiran, mentaksir dan memberi skor terhadap respons (jawapan) murid berdasarkan instrumen dan panduan penskoran yang setara (*standardised*) yang disediakan oleh pihak LP.
- c. LP dan pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan moderasi dan verifikasi sebelum pelaporan dikeluarkan. Moderasi dan verifikasi adalah proses untuk memastikan kesahan dan ketekalan (konsistensi) pemberian skor antara pemeriksa.
- d. PT3 dilaksanakan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, *Science*, *Mathematics*, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup Bersepadu, Geografi, Sejarah, Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun mengikut tempoh pelaksanaan yang ditetapkan oleh LP dan jadual yang disediakan oleh pihak sekolah.

- e. PT3 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan dilaksanakan dengan menggunakan instrumen pentaksiran ujian bertulis dan ujian lisan.
 - f. Manakala mata pelajaran *Science*, *Mathematics*, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup, Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun akan menggunakan instrumen pentaksiran ujian bertulis sahaja.
 - g. Mata pelajaran Sejarah dan Geografi pula akan ditaksir menggunakan pelbagai instrumen seperti tugas bertulis (*assignment*), projek, kajian lapangan (*field study*) atau kajian kes (*case study*).
 - h. Garis panduan pelaksanaan PT3 adalah seperti di Lampiran I dan boleh dimuat turun dari portal LP www.moe.gov.my/lp.
5. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil. 2 Tahun 2011 dalam [KP.LP.003.07.14 (2)] bertarikh 14 Februari 2011 dan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan (LP) Bil. 8/2013: Pentaksiran Pusat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Peringkat Menengah Rendah Mulai Tahun 2014 [dalam KP.LP.003.07.14 (67)] bertarikh 16 Disember 2013 yang dikeluarkan sebelum ini adalah **terbatal**.
6. Semua Pengarah Pendidikan Negeri hendaklah memaklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, semua Pengetua dan Guru Besar termasuk Pengetua serta Guru Besar di sekolah swasta yang berada di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Na'mah Ishak

(DR. NA'IMAH BINTI ISHAK)
Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.: 1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Profesionalisme Keguruan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
14. Pengarah-Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
15. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
16. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia



GARIS PANDUAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)

TUJUAN

1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan langkah-langkah dan kaedah pelaksanaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) di sekolah.

DASAR PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) agar selari dengan transformasi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK).
3. PBS bersifat holistik dan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).
4. Komponen PBS terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

SEKOLAH

5. Sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan PT3 ialah sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), sekolah di bawah agensi kerajaan, Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan SM Pendidikan Khas.
6. Sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau sekolah swasta yang tidak berdaftar dengan KPM tetapi mengikuti kurikulum kebangsaan.

PRINSIP PENTAKSIRAN PUSAT

7. Pihak sekolah mentadbir instrumen serta mentaksir dan memberi skor terhadap respons (jawapan) murid berdasarkan instrumen dan panduan penskoran yang setara (*standardised*) yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP), KPM.
8. **Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)** adalah komponen Pentaksiran Pusat yang terdapat dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 merupakan pentaksiran sumatif yang setara di Tingkatan 3 bagi menilai pencapaian akademik murid. Ini bermakna PT3 mentaksir aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh di peringkat menengah rendah.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PEPERIKSAAN (LP)


9. Dalam pelaksanaan PT3, pihak LP akan bertanggungjawab dalam penyediaan;
 - 9.1 Item
 - 9.2 Jadual Spesifikasi Ujian
 - 9.3 Format Instrumen
 - 9.4 Jadual Penggredan
 - 9.5 Panduan Pemasangan Instrumen
 - 9.6 Panduan Penskoran Item
 - 9.7 Peraturan Pentadbiran
 - 9.8 Format Pelaporan PT3

TANGGUNGJAWAB SEKOLAH

10. Dalam pelaksanaan PT3, pihak sekolah bertanggungjawab dalam melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:
 - 10.1 Memasang instrumen berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian, Format Instrumen dan Panduan Pemasangan Instrumen serta membuat verifikasi instrumen.

- 10.2 Menyediakan jadual dan mentadbir PT3 dalam tempoh yang ditetapkan oleh LP dengan mematuhi peraturan pentadbiran PT3.
- 10.3 Melaksanakan moderasi skrip jawapan PT3 dengan Panduan Penskoran Item di antara Ketua Panitia mata pelajaran dengan guru mata pelajaran PT3.
- 10.4 Memeriksa skrip jawapan murid berpandukan Panduan Penskoran Item yang telah melalui aktiviti moderasi.
- 10.5 Melaksanakan moderasi dan verifikasi skor bersama Pentaksir Luar yang dilantik oleh LP.
- 10.6 Menghantar gred ke LP.
- 10.7 Mengeluarkan pelaporan berdasarkan Format Pelaporan PT3.

CARTA ALIR PELAKSANAAN PT3



TANGGUNGJAWAB JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN)

11. Dalam pelaksanaan PT3, pihak JPN bertanggungjawab dalam melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:
 - 11.1 Menyediakan jadual dan mentadbir PT3 dalam tempoh yang ditetapkan oleh LP dengan mematuhi peraturan pentadbiran PT3 untuk calon persendirian.
 - 11.2 Menyediakan instrumen pentaksiran PT3 calon persendirian dengan mendapatkanya dari sekolah kerajaan yang dijadikan pusat pentaksiran PT3 calon persendirian.
 - 11.3 Menyediakan personel pentaksiran bagi memeriksa skrip jawapan calon persendirian berpandukan Panduan Penskoran Item yang telah melalui aktiviti moderasi.
 - 11.4 Menghantar gred calon persendirian ke LP.
 - 11.5 Mengeluarkan pelaporan pentaksiran PT3 calon persendirian berdasarkan Format Pelaporan PT3.

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

12. Instrumen PT3 adalah seperti berikut:
 - 12.1 Instrumen pentaksiran yang digunakan dalam PT3 bagi setiap mata pelajaran mencakupi sukanan pelajaran Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3.
 - 12.2 Mata pelajaran (02) Bahasa Melayu dan (12) Bahasa Inggeris wajib diambil oleh semua calon PT3. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Ujian Bertulis dan juga Ujian Lisan bagi kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Calon sekolah wajib menduduki Ujian Bertulis

dan Ujian Lisan manakala calon persendirian hanya menduduki Ujian Bertulis sahaja.

- 12.3 Mata pelajaran (31) Bahasa Arab, (32) Bahasa Cina, (33) Bahasa Tamil, (37) Bahasa Iban dan (38) Bahasa Kadazandusun adalah mata pelajaran bahasa tambahan dan boleh diambil oleh mana-mana calon sebagai mata pelajaran pilihan. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Ujian Bertulis.
- 12.4 Mata pelajaran (45) Pendidikan Islam wajib diambil oleh semua calon yang beragama Islam. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Ujian Bertulis.
- 12.5 Mata Pelajaran (50) *Mathematics* dan (55) *Science* wajib diambil oleh semua calon. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Ujian Bertulis.
- 12.6 Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pilihan (76), (77), (78) dan (79) wajib diambil oleh semua calon kecuali calon Sekolah Seni Malaysia. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Ujian Bertulis.
- 12.7 Mata pelajaran (21) Sejarah wajib diambil oleh semua calon sekolah. Mata Pelajaran (23) Geografi juga wajib diambil oleh calon sekolah kecuali calon Sekolah Seni Malaysia. Kedua-dua mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Pelbagai Instrumen.
- 12.8 Mata Pelajaran (60) Pendidikan Kesenian hanya wajib diambil oleh calon Sekolah Seni Malaysia sahaja. Mata pelajaran ini ditaksir melalui kaedah Pelbagai Instrumen.
- 12.9 Instrumen dwibahasa bagi mata pelajaran *Science* dan *Mathematics* akan disediakan sehingga tahun 2018.

KELAYAKAN MENDUDUKI PT3

13. Bagi calon sekolah, kelayakannya adalah murid berada di Tingkatan Tiga.
14. Bagi calon persendirian:
 - 14.1 Calon tidak berada dalam sistem persekolahan.
 - 14.2 Calon telah berumur 14 tahun pada 1 Januari tahun pendaftaran.

MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

15. Dalam pelaksanaan PT3, terdapat 14 mata pelajaran yang ditawarkan. Mata pelajaran tersebut adalah seperti berikut:
 - 15.1 (02) Bahasa Melayu
 - 15.2 (12) Bahasa Inggeris
 - 15.3 (21) Sejarah
 - 15.4 (23) Geografi
 - 15.5 (31) Bahasa Arab
 - 15.6 (32) Bahasa Cina
 - 15.7 (33) Bahasa Tamil
 - 15.8 (37) Bahasa Iban
 - 15.9 (38) Bahasa Kadazandusun
 - 15.10 (45) Pendidikan Islam
 - 15.11 (50) *Mathematics*
 - 15.12 (55) *Science*
 - 15.13 Kemahiran Hidup Bersepadu Pilihan (76), (77), (78) dan (79)
 - 15.14 (60) Pendidikan Kesenian

YURAN PENDAFTARAN

16. Calon sekolah swasta dan calon persendirian hendaklah membuat bayaran yuran pendaftaran sebanyak RM 65.00.

PELAPORAN

17. Calon sekolah akan menerima pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) daripada pihak sekolah. Calon persendirian akan menerima pelaporan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri.
18. Calon akan menerima gred bagi mata pelajaran yang diduduki sahaja.